



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR bersama Mohamed Khaled Nordin (kanan) bermain tarik upih dalam Majlis Kembara Mahkota Johor 2015 di Taman Rekreasi Tampok Laut, Pontian, Johor, semalam.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR merasmikan Kembara Mahkota Johor 2015 di Pontian, Johor, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAZROL ZAINAL

Sultan Ibrahim sertai permainan tarik upih

Oleh **LUQMAN HAZIQ ABDULLAH**
utusanjohor@utusan.com.my

■ PONTIAN 10 OGOS

TAMAN Rekreasi Tampok Laut dekat sini riuh-rendah apabila orang ramai bersorak menyaksikan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menyertai permainan tarik upih.

Baginda turut disertai Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Benut, Datuk Ir. Hasni Mohammad dan Presiden Kelab Media Johor, Mohamad Fauzi Ishak.

Taman Rekreasi Tampok Laut merupakan antara destinasi pada



hari pertama konvoi Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015 bagi melakukan pelbagai aktiviti bersama rakyat setempat.

Di hentian itu, Sultan Ibrahim turut menyaksikan acara sukan air

seperti mengutip buah kelapa, menangkap itik dan pukul bantal.

Baginda kemudian berangkat ke jeti berhampiran astaka untuk melepaskan acara mendayung bot yang disertai nelayan Pengkalan Jeti Tampok Laut.

Selepas itu, Sultan Ibrahim berangkat ke khemah rakyat bagi sesi beramah mesra bersama penduduk sambil melihat sukan tradisional, antaranya batu seremban, congkak, sepak raga bulatan, chapteh, tarik upih dan terompah gergasi.

Sementara itu, Hasni yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri berkata, warga Pontian khususnya di kawasan Benut amat

menanti-nantikan ketibaan Sultan Johor bersama rombongan KMJ.

Menurutnya, aktiviti menarik yang diketengahkan di Tampok Laut adalah penganjuran permainan tradisional yang bertujuan memastikan warisan berkenaan terus menjadi aktiviti merapatkan silaturahmi antara masyarakat.

“Aktiviti sukan rakyat mampu menjadi platform mengisi masa lapang di samping mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat,” katanya.

Beliau berkata, penganjuran permainan tradisional sempena KMJ 2015 itu turut mampu menyemarakkan semula permainan berkenaan yang boleh dilaksanakan di peringkat komuniti setempat.